

JABATAN WANITA DAN KELUARGA SARAWAK



NOTIS TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dalam Kategori dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut:-

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub-Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan /Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
JWKS/TD/2/2027-2028	Membekal Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata), Di Wisma Wanita, Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak Bagi Tahun 2027-2028	Lesen : UPKJ Kategori : B / C Kepala : VI Sub Kepala : 6(b)	RM50.00	9 September 2026	9 September 2026 12.00 Tengahari

2. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik/ Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA (jika berkenaan) dan SURAT PERWAKILAN KUASA (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal /Kontraktor yang layak.
3. Bayaran yuran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang Pos (*Money Order*) atau Wang Kiriman Pos Berpalang (*Postal Order*) atau *Spay Global* yang dibayar atas nama Kerajaan Negeri Sarawak.
4. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai 27 Ogos 2026 hingga 9 September 2026 pada waktu pejabat di alamat Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak, Wisma Wanita, Jalan Bakti Off, Jalan Sultan Tengah Semariang, 93050 Petra Jaya, Kuching. (Waktu Pejabat sahaja).
5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan sampul berlakri serta mempunyai catatan Nombor dan Tajuk Tender. Dokumen Tender hendaklah diserahkan lebih awal daripada tarikh dan masa tutup Tender di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi
Lembaga Tender Bahagian Kuching
d/a Residen Bahagian Kuching,
Pejabat Residen Bahagian Kuching,
Aras 7, Majma'TuanKu Abdul Halim Mu'adzam Shah,
Lorong P. Ramlee 5, Off Jalan P. Ramlee,
93400 Kuching

6. Dokumen Tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

[SHARIFAH ZAKIAH BINTI TUANKU HAJI PAUZI]

Pengarah
Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak

Tarikh: 27 Ogos 2026

Nota Penting: Notis Tender ini hendaklah dipamerkan di papan kenyataan empat belas (14) hari berturut-turut sepanjang tempoh pelawaan tender.